



KENYATAAN MEDIA

Media Release

Untuk siaran segera

STATISTIK SEMASA PENERIMAAN BNCP MELALUI e-FILING

1. Sukacita dimaklumkan bahawa jumlah Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2011 telah diterima melalui kaedah e-Filing sehingga 4.00 petang, 11 Mei 2012 ialah **1,896,060 borang**. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak **8.07%** berbanding penerimaan BNCP dalam tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu 1,754,506 borang.
2. LHDNM percaya angka ini akan bertambah menjelang berakhirnya Tempoh Tangguh (grace period) yang ditawarkan pada 15 Mei 2012 nanti.
3. Untuk rekod, pada tahun ini LHDNM menawarkan Tempoh Tangguh (grace Period) kepada pembayar cukai yang mendaftar BNCP mereka melalui e-Filing. Langkah ini diambil sebagai satu galakan kepada mereka untuk beralih daripada sistem manual yang menggunakan Borang Kertas kepada sistem e-Filing yang ternyata lebih mudah, tepat dan selamat.
4. Justeru, LHDNM merayu pembayar cukai individu yang masih belum menghantar Borang BE mereka agar menggunakan sistem e-Filing sebelum Tempoh Tangguh berakhir pada 15 Mei 2012 ini.

5. Untuk keterangan lanjut sila hubungi 1-300-88-3010 atau layari www.hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH

###

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	11 Mei 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8888 samb: 21326 / 21327
Nombor Faks	:	03-8313 7836
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my